



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْإِسْلَامِ نِغَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

30 JAMADILAWAL 1447H / 21 NOVEMBER 2025M

“MULIA DENGAN ILMU”

Disediakan oleh:
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَقْرَأُ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝١ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝٢ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝٣
الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝٤ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝٥ (العلق: 1-5)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin berpesan kepada diri sendiri serta kepada jamaah sekalian, marilah sama-sama kita berusaha mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita semua akan memperoleh rahmat Allah, dan menjadi orang-orang yang berjaya di dunia dan akhirat. Pada hari yang mulia ini khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: ***"Mulia dengan Ilmu."***

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya agama Islam amat memberikan perhatian terhadap ilmu. Dengan ilmu, seseorang mengenal Tuhan-Nya, memahami tujuan

hidupnya, dan membezakan antara yang hak dan yang batil. Perhatian Islam terhadap ilmu ini dapat dilihat apabila terdapat banyak ayat Al-Quran serta hadis nabi yang menyebut tentang ilmu dan pendidikan. Bahkan, wahyu pertama yang diturunkan juga menyentuh berkenaan perkara ini. Allah SWT berfirman dalam surah al-'Alaq, ayat 1-5:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝
الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Maksudnya: “*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari sebuuk darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah; Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan; Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*”

Imam al-Saiyid Tantawi dalam Tafsir Al-Waseeth menjelaskan bahawa antara tujuan wahyu pertama yang diturunkan ini adalah bagi menarik perhatian umat Islam terhadap budaya membaca dan menulis, serta ilmu dan pendidikan.

Justeru itu, sebagai seorang mukmin, seharusnya budaya menuntut ilmu perlu diberi perhatian sewajarnya. Sentiasalah kita berusaha untuk mendapatkan ilmu, sama ada melalui sistem pendidikan formal, mahupun sistem pendidikan yang tidak formal. Ini termasuklah seperti mendengar ceramah dan tazkirah di masjid-masjid, budaya membaca, saling menasihati, berbincang dan lain-lain.

Perkara ini amat penting sebagai usaha meningkatkan tahap kehidupan kita agar bertambah lebih baik daripada sebelumnya. Bahkan lebih dari itu, ia juga akan membantu kita untuk berjaya di akhirat kelak. Dalam

sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Abu Darda' r.a, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا , سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

“Sesiapa yang menempuhi satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan permudahkan baginya jalan ke syurga.” (HR Imam Muslim)

MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Seharusnya budaya ilmu perlu disuburkan dalam masyarakat. Setiap orang perlu memainkan peranan masing-masing. Dalam konteks keluarga, peranan ibu bapa sangat penting dalam memastikan anak-anak memperolehi ilmu dan pendidikan yang sewajarnya. Ibu bapa adalah pendidik pertama dan paling utama dalam kehidupan anak-anak. Bahkan keluarga merupakan institusi pendidikan yang pertama untuk anak-anak, bukannya sekolah atau madrasah.

Justeru itu, penekanan ilmu agama seperti ilmu tauhid, adab dan akhlak perlu diterapkan sejak dari rumah lagi. Ini amat penting bagi melahirkan generasi yang mempunyai jati diri yang kuat serta mempunyai sahsiah mahupun pekerti yang tinggi. Justeru, anak-anak perlu dibimbing mengenal Allah, mencintai solat, menghormati orang tua dan menuntut ilmu dengan tekun. Jadikanlah didikan dan bimbingan oleh ibu bapa itu sebagai satu usaha memelihara ahli keluarga daripada azab api neraka. Firman Allah SWT dalam surah At-Tahrim, ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”*

Oleh itu, ibu bapa janganlah sekadar menyediakan keperluan zahir seperti makanan dan pakaian semata-mata, tetapi perlu juga memberi makanan rohani, iaitu ilmu, iman dan kasih sayang. Kesepaduan ilmu akademik dan ilmu agama pasti akan membawa kepada masa depan anak yang lebih cerah.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Sememangnya tanggungjawab mendidik dan memberi ilmu untuk anak-anak merupakan satu amanah yang amat besar. Ia menuntut usaha dan pengorbanan yang berterusan. Usaha dan pengorbanan ini pula perlu dilipatgandakan lagi apabila melibatkan anak-anak yang dikategorikan sebagai anak istimewa. Anak istimewa ini adalah anak-anak yang mempunyai kelainan upaya, seperti dalam aspek penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, serta masalah pembelajaran.

Kita perlu menerima hakikat bahawa golongan anak istimewa memerlukan perhatian dan sokongan tambahan daripada pelbagai pihak. Mereka bukan sekadar insan istimewa, tetapi juga memiliki potensi yang unik dan berharga. Pengesanan awal perkembangan mereka amat penting agar bakat dan keupayaan sebenar dapat dikenal pasti serta dibangunkan melalui sistem pendidikan yang sesuai.

Sebagai ibu bapa, kita perlu memahami bahawa setiap anak berkembang mengikut kadar yang berbeza. Ada yang pantas menguasai sesuatu kemahiran, dan ada yang memerlukan lebih masa pada aspek tertentu. Oleh itu, kepekaan terhadap perkembangan mereka amat dititikberatkan agar sebarang keperluan khas dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Masyarakat juga harus bersikap cakna dan prihatin terhadap keluarga yang dianugerahi anak istimewa. Sokongan moral dan pemahaman daripada persekitaran akan membantu mereka menjalani kehidupan dengan lebih mudah serta memberi ruang kepada anak-anak ini untuk berkembang dengan lebih baik.

HADIRIN JAMAAH JUMAAT YANG DIREDAI ALLAH SEKALIAN,

Menyimpul khutbah kali ini, marilah sama-sama kita menghayati beberapa pengajaran yang dapat kita ambil daripada intipati khutbah yang disampaikan sebentar tadi:

Pertama: Sebagai seorang mukmin, kita hendaklah sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan keilmuan kita, selaras dengan saranan dalam agama itu sendiri.

Kedua: Rumah adalah madrasah pertama anak-anak. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan yang aktif dalam memastikan penerapan budaya ilmu serta adab kesopanan ke dalam diri anak-anak.

Ketiga: Pengetahuan dan pendidikan membolehkan masyarakat lebih memahami dan menghargai kepelbagaian budaya. Masyarakat yang bersatu dan hidup dalam keharmonian serta mementingkan semangat perpaduan sejati akan menjadi lebih produktif dan inovatif. Keamanan dan kestabilan yang diperolehi daripada perpaduan berupaya mengembangkan ilmu pengetahuan dengan lebih baik lagi.

Keempat: Perhatian yang lebih tinggi dalam usaha memberikan pendidikan berterusan khususnya golongan anak istimewa turut diutamakan. Masyarakat perlu berperanan memberi kerjasama yang sebaiknya agar segala usaha dapat digembeling sebaiknya.

Akhir sekali, marilah sama-sama kita menghayati firman Allah dalam surah al-Mujaadalah, ayat 11:

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Maksudnya: "... supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, Sudan dan negeri Syam sekitarnya. Kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkar.

Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَا تَكْفُرُوا بِاللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.